

# Malaysia tidak perlu akta perhutanan bandar

U.M. 10 OCT 1992

KAJANG 9 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa Malaysia tidak memerlukan akta perhutanan bandar kerana negara sudah cukup hijau.

Menurutnya, negara ini termasuk Bandar Raya Kuala Lumpur lebih hijau daripada negara-negara lain yang mempunyai akta seumpama itu seperti di Amerika Syarikat.

Katanya, negara-negara tersebut bukan sahaja tidak mempunyai kehijauan di bandar tetapi juga menebang pokok-pokok di kawasan luar bandar.

"Tak payah akta apapun, kita dah hijaukan bandar, malah di Kuala Lumpur sendiri kita mempunyai hutan di tengah-tengah bandar," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Kursus

Khas Kontraktor Bumiputera di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Mohd. Sham Mohd. Sani, baru-baru ini supaya akta perhutanan bandar diperkenalkan di negara ini.

Sambil berseloroh, Dr. Mahathir berkata: "Kuala Lumpur telahpun mempunyai hutan dalam bandar yang cukup tebal sehinggakan kalau mungkin ada pengganas komunis, kita tidak nampak."

Mengenai memorandum yang diserahkan oleh Persatuan Kemajuan Tamil (TMA) yang mahu supaya Presiden MIC, Dato' Sri S. Samy Vellu meletakkan jawatan, Dr. Mahathir berkata, beliau belum menerimanya.